



SIARAN MEDIA

KPKT LANCAR SOSMIC, PERKASA TRANSFORMASI INDUSTRI SISA PEPEJAL NEGARA

BUKIT TINGGI, 22 April 2026 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini melancarkan **Kursus Intelktual Pengurusan Sisa Pepejal (SOSMIC)** sebagai inisiatif strategik untuk memperkasa profesionalisme dan pembangunan modal insan dalam industri pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negara. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib.

Kursus ini diterajui oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dengan kerjasama strategik Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) serta Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT). Ini adalah selaras dengan usaha kerajaan memperkukuh kecekapan dan daya saing sektor ini ke arah pengurusan sisa yang lebih mampan.

Menurut YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib, “SOSMIC bukan sekadar program latihan biasa tetapi merupakan platform strategik untuk membudayakan ilmu, meningkatkan profesionalisme serta menetapkan standard baharu dalam industri pengurusan sisa pepejal negara”.

Industri pengurusan sisa pepejal kini berdepan dengan cabaran yang semakin kompleks di mana janaan sisa harian dianggarkan mencecah **kira-kira 40,000 tan sehari**, selain isu pembuangan sampah haram yang masih berlarutan.

Bagi membanteras isu tersebut, SWCorp telah melaksanakan **24,003 operasi penguatkuasaan sepanjang tempoh 2014 hingga 2025**. Bagi tahun **2025 sahaja, sebanyak 3,634 operasi** telah dijalankan melibatkan pembersihan **lebih 1,600 tan sisa dengan kos melebihi RM425,000**.

Dalam tempoh sama, sebanyak **236 kes** telah didakwa di mahkamah dengan jumlah **denda RM3.3 juta**, manakala bagi **tahun 2025, 22 kes** telah diambil tindakan di bawah Akta 672 dengan denda berjumlah **RM385,000**.

SOSMIC diperkenalkan sebagai inisiatif pembangunan modal insan pertama seumpamanya yang memberi penekanan kepada pemahaman dasar dan hala tuju industri, pematuhan perundangan dan keperluan pelesenan, di samping meningkatkan kecekapan teknikal dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Pelaksanaan Kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) turut diperkukuh bagi meningkatkan kompetensi tenaga kerja lapangan, sekali gus melengkapkan pembangunan kapasiti industri secara menyeluruh. Pelaksanaan SOSMIC turut disokong oleh 'Trio Model' yang menggabungkan aspek dasar, penguatkuasaan dan latihan secara bersepadu antara JPSPN, SWCorp dan I-KPKT.

Bagi tempoh **2026 hingga 2027**, KPKT menasarkankan penyertaan **seramai 5,000 peserta** dengan unjuran jumlah keseluruhan mencecah **sekurang-kurangnya 20,000 peserta dalam tempoh lima (5) tahun pertama pelaksanaannya**.

Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan KPKT dalam memastikan pengurusan sisa pepejal negara berada pada tahap terbaik, setanding dengan amalan antarabangsa serta menyokong persekitaran yang bersih, selamat dan mampan.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT, YBhg. Datuk Mohd Zamri bin Mat Zain; Ketua Pengarah JPSPN, YBhg. Dato' Ir. Ts. Gs. Dr. Mohd Azhar bin Abd Hamid; Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp, YBrs. Tuan Khalid bin Mohamed serta YBrs. Tuan Adel Al Hashir bin Kamalal Hashir, Pengarah I-KPKT.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
KPKT